

# Terap keikhlasan dalam ibadah

BH 16/01/2018 Ms.69

Ulama terkenal dari Iraq, Mawlana Sheikh Afeefuddeen al-Jailani ketika berbicara mengenai dampak ibadah terhadap amalan seharian kita berkata, setiap manusia mempunyai matlamat hidup yang satu iaitu ingin mencapai kebahagiaan.

Beliau yang menjadi tetamu program *Topik Jumaat* di radio *IKIMfm* berkata, kebahagiaan dicari oleh semua ada orang Islam mahupun bukan Islam. Ini diakui dalam kalangan ahli falsafah Yunani sebagai matlamat utama sejak awal tamadun manusia lagi.

Sebab itu, jika diperhatikan kaedah kebahagiaan atau ketenangan dalam bahasa Arab, iaitu 'sakinah' turut berkait rapat dengan tempat tinggal yang disebut dalam bahasa Arab sebagai 'masakan'.

Ketenangan yang awal bermula di tempat tinggal. Jika dapat diperolehi, maka mudahlah untuk memperolehnya di luar rumah. Itulah juga matlamat pembinaan sebuah rumah tangga demi mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah.

## Bersihkan hati

Ketenangan tidak boleh dicapai melalui luaran kerana ia bersifat dalaman atau rohani, bermakna kita tidak dapat lari daripada berbicara mengenai hati sanubari seperti yang diingatkan

oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan berzikir mengingat Allah SWT, ingatlah hanya dengan mengingat Allah SWT hati menjadi tenteram." (Surah al-Ra'd, ayat 28) Justeru, untuk menjadi tenang kita perlu sentiasa membersihkan hati supaya suci daripada penyakit dan dosa yang boleh mengotorkan seterusnya menghilangkan ketenangan jiwa.

Membersihkan hati adalah agenda utama orang beriman kerana hanya orang yang hatinya bersih sahaja yang akan selamat di hari akhirat kelak.

## Rebut tahajjud

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Hari yang tidak memberi manfaat melainkan orang yang kembali kepada Allah SWT dengan hati yang sihat sejahtera (*Qalibun Salim*)."  
(Surah al-Syu'ara, ayat 89)

Ada dalam kalangan kita begitu gigih beribadah di depan manusia, tetapi apabila bersendirian mereka malas. Dalam hal ini, Sheikh Afeefuddeen berpesan supaya memperbanyakkan peluang merebut tahajjud pada malam hari.

Generasi solafus soleh gigih menghidupkan malam kerana rahmah Allah SWT amat banyak pada malam hari. Ia juga menghidupkan hati yang mati dan mengikhlasakan hamba bagi mencari reda-Nya.

Ada juga terjadi mereka yang

[FOTO HIASANI]



**Ibadah seikhlas hati** memberi kesan ke dalam jiwa.

gigih beribadah, namun masih lagi berakhlak buruk seolah ibadah itu tidak memberi bekas kepada diri dan personalitinya. Sheikh Afeefuddeen mengingatkan, ibadah bukan bersilat mengingati fizikal seperti senaman, tetapi hendaklah turut disertai dengan hati.

## Khusyuk dan ikhlas

Ketika melaksanakan ibadah, hati kena khusyuk dan ikhlas mengharapkan reda Allah SWT. Jika kita banyak beribadah, tetapi masih lagi berakhlak buruk, maka perelokkan lagi ibadah hingga nanti memberi

bekas kepada peribadi. Sesungguhnya ibadah yang diterima Allah SWT pasti akan memberi kesan kepada peribadi seseorang seperti mana firman-Nya yang bermaksud: "Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar." (Surah al-Ankabut, ayat 45)

Setiap ibadah hendaklah disertai dengan keikhlasan hati, barulah memberi bekas dan impak kepada diri. Khusyuk dan ikhlas dalam hati memerlukan perjuangan atau mujahadah supaya akhirnya kita dianugerahkan ikhlas oleh Allah SWT.



**Dr Nik Roskiman  
Abdul Samad**

Pengarah Pusat Media IKIM

Biasa melihat orang yang kuat beribadah, tetapi akhlaknya tidak mencerminkan ciri mereka yang gigih melaksanakan perintah Allah SWT? Apakah sebabnya, perkara itu boleh berlaku dan sebaiknya kita berusaha menjadi seorang yang rajin beribadah dan memiliki sikap mulia. Ikuti penjelasan oleh **Mawlana Sheikh Afeefuddeen al-Jailani** dalam rancangan *Topik Jumaat* di *IKIMfm*.